

Model AKRAM:
Model Etika Kerja Guru Malaysia

Alis Puteh

Pengenalan

Dasawarsa ini, Malaysia berusaha sedaya upaya untuk mengorak langkah bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Kejayaan ini tidak mampu dicapai sekiranya pembangunan modal insan kelas pertama terabai. Tidak dapat dinafikan modal insan adalah harta yang boleh disuntik serta dibangunkan nilai intelek dan diperbanyakkan modal budayanya. Mewujudkan modal insan berkualiti bergantung kepada pendidikan berkualiti serta dapat menghasilkan individu yang mempunyai jati diri kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju.

“... as the most significant and costly resource in schools, teachers are central to school improvement efforts. Improving the efficiency and equity of schooling depends, in large measure, on ensuring that competent people want to work as teachers, that their teaching is of high quality, and that all students have access to high quality teaching.” (PIPP, 2007).

Berdasarkan pernyataan di atas jelas memaparkan bahawa guru perlu memahami, menunjukkan kesungguhan, dan mempunyai iltizam dalam melaksanakan daya usaha serta mewujudkan pendekatan baru ke arah meningkatkan kualiti pendidikan seperti yang dihasrat oleh PIPP itu. Tiga aspek utama telah ditekankan dalam pelaksanaan iaitu nilai profesionalisme keguruan; pengetahuan dan kefahaman; kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, bagi melahirkan masyarakat bertatasusila, bersatu padu, demokratik, adil, liberal, dan progresif, guru sendiri haruslah memainkan peranan sebagai “role model” kepada pelajar.

Hakikatnya kini, kepatuhan seorang guru terhadap etika kerja KPM, Kod etika guru dan Standard Guru Malaysia perlu dititikberatkan kerana kita tidak mahu pendidikan seolah-olah hanya untuk melahirkan insan yang berpelajaran tetapi tidak beretika (Alis,2016).

Laporan Suruhanjaya Diraja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat (1971), telah mencadangkan agar diwujudkan Etika Profesion Perguruan (EPP) bagi pembentukan tatasusila guru. Semua guru yang telah memperolehi sijil perguruan perlu mematuhi. Namun begitu sehingga ke hari ini kita masih lagi mendengar berita - berita yang tidak menyenangkan baik dari segi tindakan atau hukuman terhadap pelajar yang melampau mahupun salah laku guru sendiri yang mencalar kewibawaan profesion perguruan ini. Dalam usaha untuk memastikan martabat pendidikan terus terpelihara dan tidak terpinggir dalam perubahan arus zaman, Etika Profesion Perguruan (EPP) harus dikaji semula (Najib, 1977).

Selain dari Etika Kerja KPM dan KEG, KPM juga menerbitkan Standard Guru Malaysia (SGM) pada 16 Mei 2009 dimana ia menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. SGM menghendaki guru membuat refleksi sendiri terhadap tahap pencapaian standard dan mengenal pasti keperluan pembangunan profesionalisme diri. SGM berfungsi untuk melahirkan para guru yang profesional dengan berkesan dan secara tidak langsungnya dapat melahirkan para pelajar yang berkualiti.

Guru Dan Perubahan Tingkahlaku Pelajar

Menurut Mohd Ismail (2006), guru memang boleh membawa perubahan ke arah tingkahlaku yang baik kepada pelajar walaupun ada kalanya mereka kurang berjaya. Ramai pelajar berusaha untuk belajar dengan baik, bertanggungjawab dan mematuhi peraturan sekolah sebaliknya hanya segelintir sahaja yang melakukan kesalahan. Para pendidik memang menyedari

bahawa mereka perlu menggunakan pendekatan yang mesra berbanding dengan menggunakan kekerasan. Menurut Mohd. Ismail (2006) lagi, sekiranya guru bersikap penyayang maka tindak balas daripada pelajar juga adalah berperasaan penyayang. Beliau berharap budaya penyayang hendaklah diterap dan diamalkan di sekolah agar sekolah menjadi sekolah penyayang.

Selain dari itu, perpatah Melayu ada menyebut “sekiranya guru kencing berdiri maka anak muridnya akan kencing berlari”. Tingkalku guru akan menjadi contoh tauladan kepada pelajarnya. Sekiranya guru tidak mempunyai akhlak yang terpuji mana mungkin ia dapat melahirkan para pelajarnya yang bestari.

Dalam Islam, Rasullullah SAW adalah guru yang agong. Baginda mempunyai akhlak yang terpuji. Bila ditanya akhlak Rasullallah, isteri baginda menyatakan Alquran. Hasil dari akhlak yang sedemikian maka lahirlah para sahabat yang dikatakan generasi terbaik sekali di dalam tamadun manusia. Kesimpulannya, tingkahlaku guru ternyata mempengaruhi tingkahlaku anak muridnya.

Tingkahlaku guru

Menurut laporan Magendran Rajagopal dan Norliza Wasilan dalam Berita Harian secara *online serta di ulas oleh* Laman Blog Perkhidmatan Awam (2007), Kementerian Pelajaran telah menerima 200 aduan berhubung pelbagai salah laku guru di seluruh Negara sejak tahun 2007. Sumber menjelaskan bahawa antara kesalahan yang dilakukan oleh guru ialah tidak hadir bertugas (37%), cabul dan gangguan seksual (17%), terbabit dalam rasuah dan disiasat Badan Pencegah Rasuah (15%), penyalah-gunaan dadah (9.5%), kecurian (6%), jenayah syariah (7%) dan keterhutangan serius (1%). Peningkatan bilangan guru-guru di Malaysia yang terbabit dalam kes

salah laku sesungguhnya mendatangkan kesan yang amat buruk jika masalah ini dibiarkan berterusan.

Antara yang dapat dikesan daripada permasalahan ini adalah merosotnya kewibawaan profesion perguruan. Dekad ini, guru bukan sahaja bertindak sebagai pendidik malah bertindak sebagai pengganti ibu bapa, kaunselor, pembimbing dan rakan. Sentuhan guru terhadap pelajar melalui hati, emosi dan perasaan juga mendorong kejayaan pelajar. Peranan guru begitu penting memandangkan beliau merupakan individu yang paling dekat dengan murid semasa mereka berada di sekolah. Namun, apakah pandangan ibu bapa di luar persekitaran sekolah yang mengharapkan guru menjadi penggantinya, melihat kes-kes salah laku yang berlaku di kalangan guru di sekolah? Adakah masyarakat di negara kita akan terus menyanjung, menghormati dan mempercayai profesion perguruan sebagai suatu jawatan yang mulia apabila guru-guru sekarang terjerus untuk terbabit dalam salah laku?

Realitinya, peningkatan kes-kes salah laku melibatkan guru-guru di sekolah telah menyebabkan ibu bapa dan masyarakat negara kita memandang sinis terhadap profesion perguruan. Mereka tidak yakin dengan kebolehan guru seluruh negara dalam mendidik anak-anak mereka walaupun hanya disebabkan tindakan sebilangan kecil guru di Malaysia. Nampaknya, masalah tidak mematuhi etika kerja guru di Malaysia adalah begitu luas sehingga menjejaskan imej semua guru di negara kita. Malah sesetengah pihak telah melabelkan profesion ini sebagai pilihan terakhir setelah tiada kerjaya profesional yang lain atau disebabkan ingin mengelakkan diri daripada menganggur. Akibatnya setitik, rosak susu sebelanga. Iman Ghazali (1980) dalam buku *Ihya Ulumiddin* menyatakan "...rosaklah pemimpin kerana guru yang jahat". Tuntasnya, guru merupakan insan yang benar-benar penting dalam mencorakkan kehidupan generasi akan datang dan mempersiapkan diri dari segi emosi, mental mahupun amalan.

Jika dilihat hari ini semua organisasi perlu mempunyai kod etika profesion sebagai panduan tingkah laku setiap ahli. Bidang pendidikan juga tidak terlepas dari membina kod etikanya sendiri. Menurut kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sehingga 30 Jun 2008, bilangan guru yang berkhidmat di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara adalah seramai 369,928 orang dengan guru lelaki sebanyak 118,380 orang dan guru perempuan sebanyak 251,548 orang. Tahun demi tahun, jumlah bilangan guru di seluruh negara meningkat dan sebagai usaha memartabatkan profesion perguruan ini sebagai profesion yang profesional, sebuah Etika Profesion Perguruan telah dicadangkan oleh Laporan Suruhanjaya Diraja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat (Laporan Aziz, 1971) bagi pembentukan tatasusila guru. Semua guru yang menjawat di sekolah perlu mematuhi yang mana etika kerja guru diwujudkan adalah untuk memastikan guru dapat menjalankan tugas yang diamanahkan mengikut panduan yang menjadi pegangan setiap warga Kementerian Pelajaran Malaysia berdasarkan nilai-nilai akhlak mulia.

Hakikatnya kini, sejauh manakah guru-guru mempraktikkan etika profesion perguruan seperti yang ditetapkan. Oleh itu, satu model berlandaskan etika perguruan perlu diwujudkan dalam memastikan kejayaan seorang guru melaksanakan tanggungjawabnya. Persoalannya, untuk membina etika kerja yang berkesan kita memerlukan satu model yang terbaik dan boleh dilaksanakan.

Falsafah Pendidikan Guru (FPG)

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal dan mendokumentasikan Falsafah Pendidikan Guru pada tahun 1982 untuk menjadi rujukan, panduan, amalan dan wawasan kepada semua institusi perguruan di Malaysia. FPG bertujuan untuk melahirkan guru yang berpekerti

mulia, berpandangan progresif dan saintifik.....dan memelihara sesuatu masyarakat yang progresif dan berdisiplin.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan memastikan mereka kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan. Antara langkah-langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, menambah baik laluan kerja dan kebajikan guru, memperkenalkan kod etika, etika kerja KPM, tatasusila profesion keguruan, tunggak 12 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib 1993-Pindaan 2002) (Modul SGRA, 2011).

Bagi menjamin guru yang dihasilkan berkualiti, maka kementerian telah menekan kepada tiga perkara iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan; pengetahuan dan kefahaman; dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Kementerian telah menggariskan sifat dan kualiti guru yang profesional. Di antaranya ialah bersemangat tinggi dalam perkhidmatan, bermatlamat yang jelas, jangkaan yang tinggi terhadap murid, berupaya memberi yang terbaik dan sebagainya. Selain dari itu, kementerian juga telah menggariskan beberapa ciri guru yang berkualiti seperti tawadhu, berakhlak, insan berilmu, memiliki taraf akademik yang baik dan mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat.

Kementerian Pelajaran juga telah menggubal etika profesional keguruan sejak tahun 1970an. Etika profesional menurut Foo (2005) bermaksud semua jenis panduan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kualiti, produktiviti dan disiplin dalam perkhidmatan dengan memberi penekanan terhadap semua aspek yang berkaitan dengan peraturan, nilai dan tingkah laku profesion dalam masyarakat.

Etika Kerja KPM

Etika Kerja KPM telah diterbitkan pada tahun 2003. Pihak kementerian berharap satu etika kerja yang mantap perlu diamalkan untuk memastikan warganya mempunyai sifat-sifat luhur, bertanggungjawab dan tahap profesionalisme yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Etika kerja KPM ini mempunyai tiga objektif utama iaitu: pertama ialah untuk menanam sikap positif dan menghapuskan sikap negatif dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan bagi meningkatkan kualiti kerja; keduanya ialah untuk meningkatkan disiplin diri bagi menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan organisasi; dan ketiganya ialah untuk memberikan sumbangan positif yang berterusan kepada negara.

Etika Kerja KPM perlu dilaksanakan dan dihayati berdasarkan kepada lima (5) prinsip dan tujuh (7) nilai utama. Lima prinsip tersebut ialah:

1. Niat yang betul

Guru mestilah melaksanakan tugas dengan niat yang betul sebagaimana yang dituntut oleh agama. Guru juga perlu ikhlas, memberi sumbangan yang bermutu, sentiasa memperbaharui niat untuk kebaikan dan memenuhi kehendak FPK dan KPM.

2. Perlakuan yang baik

Guru perlulah melakukan tugas dengan sempurna. Disamping itu, mereka perlu menunjukkan penampilan diri, pertuturan dan perbuatan yang terbaik sepanjang masa.

3. Penggerak ke arah kebaikan

Guru hendaklah menjadi penggerak ke arah kebaikan. Justeru itu mereka perlu menampilkan diri sebagai seorang yang dinamik, maju, berdaya saing, cemerlang dalam hasil kerja dan kualiti kerja serta sentiasa berusaha menjadi pekerja yang terbaik.

4. Memperkotakan apa yang dikatakan

Para guru hendaklah sentiasa berusaha melaksanakan apa yang dikatakan. Mereka perlu menunjukkan ketekalan dalam tanggapan, pengucapan dan tindakan, apa yang dibuat mesti sesuai dengan apa yang diucapkan dan sentiasa menepati apa yang dinyatakan dalam piagam pelanggan.

5. Berdisiplin dan beradab

Para guru perlulah sentiasa menjaga adab sopan seperti yang dituntut oleh agama, sentiasa mematuhi peraturan dan arahan perkhidmatan serta sentiasa berpanduan prosedur dan kaedah yang betul.

Walaupun terdapat banyak nilai mulia tetapi hanya tujuh nilai utama yang menjadi fokus etika kerja KPM. Nilai-nilai tersebut ialah amanah, benar, bijaksana, bersyukur, dedikasi, ikhlas dan penyayang. Setiap warga guru hendaklah berusaha mempertingkatkan kualiti pribadi dan profesion serta menjadikan kerja mereka sebagai ibadat.

Kod Etika Profesion Keguruan Malaysia

Menurut Kementerian Pelajaran, guru merupakan orang yang berada di garisan hadapan pembangunan negara. Setiap inci pada tubuh guru, gerakan guru, tutur kata dan tindakannya sentiasa menjadi perhatian dan ikutan kepada pelajarannya. Pada pandangan para pelajarannya, guru adalah orang sentiasa benar dan betul. Bagi menjamin guru sentiasa benar dan betul maka KPM telah menggubal beberapa Kod Etika Profesion Keguruan. Antaranya ialah:

1. Guru tidak harus bertingka-laku sehingga boleh mencemarkan sifat profesionalnya sehingga menyebabkan orang ramai hilang kepercayaan terhadap profesion perguruan.
2. Guru tidak seharusnya bertingka-laku yang boleh menjatuhkan maruah diri dan kehilangan amanah berkaitan dengan kewangan

3. Tanggungjawab utama ialah terhadap pelajarnya. Kepentingan pelajar mengatasi semua kepentingan lain samada diri, persatuan atau masyarakat.
4. Guru haruslah bertugas sebagai ‘pengganti ibu bapa’ dalam usaha membentuk tingkahlaku murid ke arah matlamat yang diterima oleh masyarakat.
5. Guru haruslah bertingkahlaku begitu rupa supaya menjadi contoh baik atau ‘role model’ kepada muridnya.
6. Guru tidak harus bertingkahlaku terhadap muridnya begitu rupa yang boleh membawa jatuhnya darjat profesion perguruan.

Kod etika amat penting dalam memartabatkan profesion perguruan kerana beberapa sebab. Di antaranya ialah ia menyediakan satu garis panduan bagaimana untuk bertingkahlaku dan bertatasusila yang selayaknya dalam profesion perguruan. Dalam perkhidmatan pendidikan terdapat banyak perkara yang samar-samar atau kabur tentang sesuatu tindakan. Oleh itu kod etika dapt menyatakan dengan tepat dan jelas tentang tingkahlaku yang sepatutnya menjadi amalan para guru ketika berkhidmat. Selain dari itu, ia juga merupakan nilai-nilai yang penting dalam sesabuah organisasi. Pengamalan etika dapat mengekal, memelihara dan meningkatkan kepercayaan masyarakat dan memupuk tanggungjawab bersama dalam mengeratkan perhubungan di antara ahli.

Dalam membincangkan soal etika guru, satu isu yang penting ialah akauntabiliti guru terhadap diri sendiri, pelajar, profesion, sekolah, masyarakat dan negara. Akauntabiliti guru terhadap diri sendiri bermaksud seorang guru haruslah menjaga kebersihan dan kesihatan dirinya agar ia dapat menjalankan tugas mendidik dengan sempurna. Ia juga perlu mengawal emosinya serta perlu menghindarkan diri dari sebarang ketegangan jiwa yang boleh mengganggu tugasnya. Guru juga digalakkan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan peka terhadap

peristiwa di sekeliling serta isu-isu semasa. Mereka juga perlu terlibat dengan hobi dan aktiviti berfaedah supaya sihat dari segi mental dan fizikal.

Manakala akauntabiliti terhadap pelajar pula bermaksud seorang guru haruslah menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi di bilik darjah. Seorang guru hendaklah memberi contoh teladan yang baik dengan berpakaian kemas, berbudi bahasa dan bersopan santun semasa bertugas supaya para pelajar dapat mencontohi model yang baik. Mereka juga perlu menjaga profesionalisme guru supaya mereka tidak dibenci, dipandang serong dan tidak dihormati oleh anak muridnya. Para guru juga hendaklah bersopan santun dan bertingklaku baik dalam segala aktiviti sosial bagi mewujudkan suasana harmoni di dalam masyarakat.

Penghayatan akauntabiliti akan dapat meningkatkan tahap profesionalisme keguruan disamping menjadikan sesorang guru itu lebih bertanggungjawab terhadap kerjayanya. Seseorang guru yang mengabaikan akauntabiliti akan menyebabkan tanggungjawabnya tidak dapat dijalankan dengan baik dan akan gagal melahirkan modal insan seperti yang dicita-citakan oleh negara.

Peraturan Dalam Pendidikan (Kelakuan dan Tatatertib 1993 – Pindaan 2002)

Tujuan utama peraturan adalah untuk menjaga imej kerajaan khasnya dan perkhidmatan awam amnya. Tindakan tatatertib merupakan langkah yang perlu diikuti bagi menghukum pegawai awam yang melanggar peraturan supaya ia dapat membaiki tingklaku mereka pada masa hadapan dan pada masa yang sama menjadi panduan dan pengajaran kepada orang lain. Ia juga dilaksanakan untuk memelihara tingklaku dan mengelakkan keraguan masyarakat terhadap keraguan dan kesungguhan penjawat awam dalam melaksanakan tugas mereka.

Antara peraturan yang berkaitan dengan tingkahlaku ialah peraturan 4(2). Menurut peraturan ini, penjawat awam tidak boleh berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan / mencemarkan nama baik perkhidmatan awam seperti berjudi, minum arak, kesalahan jenayah/syariah dan gangguan seksual. Sesaorang penjawat awam juga tidak boleh tidak cekap atau kurang berusaha; tidak jujur atau tidak amanah; dan juga tidak bertanggungjawab.

Peraturan 4A pula menegah sama sekali penjawat awam melakukan beberapa perkara seperti gangguan seksual, berpakaian selekeh, tidak kemas dan tidak mematuhi etika berpakaian pegawai awam seperti memakai kain sarong, berselipar, berseluar pendek dan sebagainya. Selain dari itu, penjawat awam juga tidak dibenarkan terlibat dalam kegiatan politik pembangkang, tidak hadir bertugas tanpa sebab, menjalankan perniagaan meminjam wang dan hidup mewah melebihi gajinya.


Kesimpulannya, kerajaan telah membuat pelbagai cara untuk mendidik para guru khususnya dan penjawat awam lainnya supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka sebaik mungkin. Selain itu, pihak kerajaan juga cuba mengawal tingkahlaku khususnya para guru supaya mereka boleh menjadi role model kepada pelajar. Selain itu, penciptaan model NPPN ini bertindak sebagai melatih guru-guru dalam memartabatkan etika dan profesion perguruan.


Pelan Integrasi Nasional

Kewujudan Pelan Integrasi Nasional (PIN) yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia telah membuktikan bahawa pentingnya pembudayaan etika dalam seluruh sistem masyarakat. Pelan ini dibina bagi mewujudkan masyarakat yang beretika dapat dicapai. Secara kolektifnya, objektif PIN ialah seperti berikut:

- 1) Memberi hala tuju dan bimbingan kepada pelbagai sektor supaya dapat bekerjasama dalam membina masyarakat bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika;
- 2) Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam meningkatkan integriti agar ia menjadi amalan dan budaya seluruh masyarakat;
- 3) Menggalakkan semangat bertanggungjawab dalam kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung dan menegakkan integriti;
- 4) Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara dan kesejahteraan hidup anggota masyarakat; dan
- 5) Meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia.

Pin juga telah menggariskan 8 faktor utama dalam menentukan keberhasilan pencapaian PIN seperti yang ditunjukkan pada rajah dibawah. Berdasarkan rajah dibawah faktor kepimpinan berteladan merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan kejayaan PIN. Jika pemimpin sendiri bertindak secara tidak beretika maka sudah pasti membawa implikasi yang sangat buruk seperti dalam kes Enron. Sejalan pendapat Culp dan Trussel (2005) yang mengaitkan kebangkrapan syarikat Enron sebagai hasil tindakan pemimpin tertinggi syarikat itu. Oleh itu, berdasarkan pendapat tersebut pengkaji menyimpulkan bahawa pengemudi di sekolah yang melibatkan semua golongan seperti pentadbir guru perlu memantapkan nilai etika bagi memastikan kejayaan pelajar.





Rajah 2.1 : Faktor Penentu Kejayaan.

Di samping itu, pengkaji berpendapat para pelajar di sekolah akan memerhati gelagat pemimpin iaitu guru dan membina satu kefahaman tentang apakah bentuk amalan yang diterima dan ditolak dalam persekitaran sekolah. Seterusnya kakitangan yang terdiri daripada guru akan mempraktikan amalan yang dipercayai menjadi norma bagi organisasi sekolah. Norma tersebut akan menjadi amalan kekal yang mengikat kelakuan seluruh ahli organisasi untuk jangka masa yang panjang. Sehubungan itu, kepimpinan etika perlu terlebih dahulu wujud sebelum usaha membudayakan etika dan integriti dapat dijalankan dengan berkesan. Walau bagaimanapun, persoalan asas yang timbul ialah apakah elemen yang perlu wujud pada seorang pemimpin bagi memenuhi kod etika guru?. Oleh itu, satu penelitian bagi mencari konstruk kepimpinan etika menerusi model perlu dibina bagi membangunkan potensi dan kecekapan guru.

Model Kepemimpinan Etika

Robins (2005) menjelaskan kepemimpinan sebagai keupayaan mempengaruhi kumpulan ke arah mencapai matlamat. Menurut Kaiser et al. (2008) kepemimpinan merangkumi tiga perkara penting iaitu

1. Kepemimpinan adalah usaha mempengaruhi individu supaya menyumbang secara sukarela demi kebaikan kumpulan yang dianggotainya;

2. Kepemimpinan memerlukan tindakan menyelaras dan memandu kumpulan ke arah mencapai matlamat bersama; dan
3. Matlamat setiap organisasi adalah berbeza-beza

Kepimpinan etika diterjemahkan oleh Brown et al. (2005) sebagai:

“ the demonstration of normatively appropriate conduct through personal actions and interpersonal relationships and the promotion of such conduct to followers through two-way communication, reinforcement and decision making”.

Penjelasan di atas dapat disimpulkan kepada tiga elemen iaitu:

1. Peluasan atau penonjolan perlakuan yang betul secara normatifnya melalui tindak tanduk individu;
2. Peluasan atau penonjolan perlakuan yang betul secara normatifnya melalui tindak-tanduk interpersonal; dan
3. Promosi perlakuan yang betul kepada ahli-ahli menerusi medium komunikasi dua-hala, penegasan (reinforcement) dan pembuatan keputusan.

Menurut Trevino et al. (2000), kepemimpinan etika terbentuk melalui dua faktor utama. Faktor tersebut terdiri daripada kedudukan pemimpin yang dianggap sebagai manusia bermoral dan sebagai pengurus moral (moral manager). Rajah dibawah menunjuk ringkasan terhadap pembentukan kepimpinan etika yang diutarakan oleh Trevino et al. (2000).



Manusia Moral	Pengurus Moral
- Ciri diri (traits) • Integriti • Kejujuran • Amanah - Kelakuan • Melakukan perkara yang betul • Mengambil berat pekerja • Bersikap terbuka • Moraliti Pribadi - Pembuatan Keputusan • Berpegang kepada nilai • Objektif/adil • Mengambil berat kebajikan masyarakat • Mematuhi peraturan keputusan etika	- Role modelling - Ganjaran dan Pendisiplinan - Komunikasi etika dan nilai

*Rajah 2.2 : Dua Sendi Kepemimpinan Etika
Sumber: Trevino et al (2000)*

Tunjang kepada kepemimpinan etika memerlukan pemimpin berkenaan untuk membentuk manusia yang beretika (Trevino et al. 2000). Oleh itu, guru merupakan wahana utama dalam pembangunan pelajar dan masyarakat haruslah menyemai diri dengan konsep manusia moral seperti yang dinyatakan dalam sendi yang pertama. Sendi yang kedua berkehendakan guru bertindak menjayakan tugas pengurusan dengan berlandaskan etika dan menjadikan etika sebagai agenda utama kepemimpinan. Menerusi konteks sebagai pengurus etika, guru bertindak sebagai seorang pemimpin yang berperanan sebagai model kepada amalan-amalan beretika dalam

organisasi, memberi ganjaran dan hukuman bagi menguatkuasakan perlakuan dikehendaki atau memebendung perlakuan tidak dikehendaki serta mengkomunikasikan etika terhadap nilai-nilai kepada seluruh ahli organisasi melalui program tertentu.

Nabi Muhammad S.A.W Sebagai Model Kepimpinan

Choundhury (1993) dan Watt (1961), Nabi Muhammad S.A.W bukan hanya seorang pemimpin spiritual yang berjaya, sebaliknya merupakan ketua Negara (statemen) dan pentadbir (administrator) yang berjaya. Manakala dalam konteks pembawa perubahan (reformer) baginda telah berjaya menghasilkan revolusi yang signifikan dalam cara hidup dan pemikiran arab. Watt (1961) telah mengariskan tiga kualiti kehebatan diri Nabi Muhammad S.A.W yang menyebabkan tersebar pengaruh Islam ke seluruh dunia iaitu:

1. Mampu melihat jauh ke masa hadapan;
2. Kebijaksanaan sebagai ketua negara (statement); dan
3. Kemahiran sebagai pentadbir dan kebijaksanaan dalam memilih orang-orang untuk membahagikan kerja-kerja pentadbiran

Kepemimpinan etika adalah kelakuan memimpin yang bersandarkan nilai-nilai etika dan menghasilkan kebaikan untuk semua pihak berkepentingan (*stakeholders*). Trevino et al. (2000) mencadangkan kepemimpinan etika terdiri daripada dua faktor utama iaitu pemimpin sebagai manusia bermoral (*moral person*) dan pemimpin sebagai pengurus moral (*moral manager*). Menelusuri watak Nabi Muhammad SAW dalam skop yang di sarankan oleh Trevino Et al. (2000), didapati watak manusia bermoral dan pengurus moral telah wujud pada diri Rasulullah SAW.

Elimen manusia bermoral seperti ciri yang ada pada diri Rasulullah dapat memberi implikasi positif dalam merealisasikan kepemimpinan etika. Sifat jujur dan amanah dalam diri seorang

pemimpin akan menjadikan sesuatu autoriti dan sumber yang diamanahkan selamat daripada disalah guna atau diselewengkan. Cirri merendah diri akan menjadikan seorang pemimpin dekat dengan pekerja (pengikutnya) dan dapat memahami sesuatu masalah dengan baik. Sifat lemah lembut, pemaaf dan tidak pemaarah menjadikan pemimpin senang didekati, dihormati, berorientasikan mencari penyelesaian dan bukan mencari salah dalam menangani sesuatu isu berbangkit serta tidak berdendam dengan pekerja. Amalan seperti syura akan meningkatkan komitmen dan rasa penghargaan diri dalam diri pekerja. Jesteru, seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan beretika perlu terlebih dahulu menjadikan diri mereka sebagai orang berakhlak dengan mencontohi akhlak Rasulullah SAW yang sempurna.

Elemen pengurus moral yang terdapat pada diri Rasulullah dapat dirumuskan sebagai peranan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar maaruf nahi mungkar). Seorang pemimpin etika perlu berusaha secara berterusan dengan menggalak dan membina budaya etika dalam kalangan ahli organisasi melalui program berasaskan pendidikan rohani. Hal ini kerana, melalui iman yang teguh, seseorang akan dapat merasai perkaitan hubungan dengan pencipta dan mengubah persepsi melakukan sesuatu semata-mata kerana tuntutan pekerjaan. Sebaliknya, pekerja mampu mengaitkan setiap perbuatan dengan hubungan ketuhanan. Sehubungan itu, mekanisme kawalan sendiri yang berteraskan sumber dalaman setiap individu dapat direalisasikan. Oleh yang demikian, seseorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan etika perlu menggalakkan amalan nilai-nilai murni dan menyediakan persekitaran yang merangsang pilihan kelakuan yang beretika dalam kalangan ahli, seperti merangka sistem penilaian prestasi dan imbuhan yang menggalakkan kelakuan etika ahli, program pendidikan jiwa yang berterusan dan keppimpinan berteladan.

Hamba Yang Taat (Moral Vicegerent)

-Bersifat Zuhud, tawadduk dan takwa

Manusia Moral - Mengamalkan akhlak Al-Quran - o Amanah/Jujur - o Lemah Lembut - o Merendah diri - o Terbuka & Syura - o Adil - o Pemaaf	Pengurus Moral - Amar maaruf nahi mungkar - o Didik melalui tauladan - o Menyampaikan nasihat dan bimbingan - o Berhikmah dalam mendidik dan mengendali pengikut
---	---

Rajah 2.3: Kepemimpinan Etika Berlandaskan Watak Nabi Muhammad
Sumber : Suraiya Ishak, (2011)

Namun begitu, kajian ini merangkumi perbincangan terhadap membina sebuah model Etika Kerja yang juga berlandaskan kepimpinan Rasulullah S.A.W. Perbincangan ini juga merupakan satu kaedah untuk melihat semula ilmu dalam konteks yang selari dengan Islam sebagaimana konsep asas gerakan *Islamization of knowledge* yang dinyatakan Al Faruqi dan disebut dalam Abdul Rashid Moten (2006):


...To redefine, and reoder the data, to rethink the reasoning and relating of the data, to reevaluate the conclusions, to re-project the goals and to do so in such a way as to make the disciplines enrich the visiom and serve the cause of islam.


2.8 Model Nilai Murni Tajul Ariffin Nordin

Pengajaran menurut tradisi barat adalah bersifat sekular seperti yang terdapat daripada beberapa model atau pendekatan pengajaran seperti pendekatan kognitif, pendekatan aktiviti-aktiviti motivasi dan jaya diri, pendekatan pembinaan tingkahlaku, pendekatan interaksi sosial dan

pendekatan penggunaan ilmu. Jika dihalusi ternyata kelima lima pendekatan mengajar di atas hanya mencakupi ilmu akal. Hal ini kerana, ilmu akal mempunyai had dan batasan tertentu. Keterbatasan akal akan menyebabkan kita gagal memahami ilmu dengan sebenarnya. Oleh itu setiap pendekatan yang digunakan mestilah diasaskan kepada konsep-konsep ilmu wahyu.

Segala bentuk pendekatan pengajaran haruslah dimulakan dengan aqidah dan dikembangkan ke dalam akhlak serta moral. Nilai-nilai moral ini dihayati ke dalam konsep-konsep daripada ilmu wahyu iaitu konsep insan, konsep fitrah, konsep keseimbangan dalam hukum Allah S.W.T dan konsep Ibadah. Konsep-konsep daripada ilmu wahyu seterusnya akan disepadukan dan dihayati dalam lima pendekatan pengajaran yang akan digunakan iaitu kognitif, motivasi jaya diri, tingkahlaku, interaksi sosial dan penggunaan ilmu.





Rajah 2.4: Model Nilai Murni)
Sumber :Tajul Ariffin Nordin 1997

Model AKRAM : Kepemimpinan Guru Beretika

Analisis data secara terperinci dipaparkan dalam bab 4 iaitu dapatan kajian. Model ini boleh digunakan dan dijadikan sebagai panduan kepada semua guru dalam menjalankan tugas berlandaskan etika kerja guru. Cadangan model yang dibangunkan adalah hasil daripada data yang dianalisis daripada borang soal selidik yang digunakan untuk meningkat keberkesanan dalam membentuk budaya kerja guru yang berlandaskan etika kerja guru. Model ini turut dibandingkan dengan model kepemimpinan sedia ada yang diperoleh daripada kajian literatur.

Keperluan bagi menilai tugas harian perlu disebabkan saban hari mendengar pelbagai salah laku yang turut dilampirkan dan dibincangkan pada bab terdahulu. Selain itu, keperluan guru sebagai pemimpin menjadi wahana yang paling hampir dan menjadi model kepada pelajar. Oleh yang demikian satu model perlu dibina bagi membentuk budaya kerja yang berkualiti dalam kalangan guru berlandaskan etika kerja yang digariskan oleh KPM.

Selepas model tersebut dibina, ianya dibawa kepada perbincangan dengan beberapa pihak yang pakar dalam kepimpinan, etika kerja KPM dan juga pihak pentadbir sekolah. Setelah mendapat khidmat nasihat dan ulasan daripada mereka model tersebut dipindah kepada senarai semak supaya lebih ringkas bagi memudahkan guru-guru menanda amalan seharian mereka.

Setelah dibincang beberapa panel pakar, faktor demografi responden yang terdapat dalam soal selidik dianggap tidak penting kepada proses pembentukan model ini dan tidak perlu dianalisis kerana keseluruhan guru yang dipilih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, secara keseluruhan adalah sama mengikut gred yang ditetapkan. Akhirnya model tersebut siap dibina berdasarkan 5 aspek dalam etika kerja guru iaitu:

- **Niat yang betul**

Guru mestilah melaksanakan tugas dengan niat yang betul sebagaimana yang dituntut oleh agama. Guru juga perlu ikhlas, memberi sumbangan yang bermutu, sentiasa memperbaharui niat untuk kebaikan dan memenuhi kehendak FPK dan KPM.

- **Perlakuan yang baik**

Guru perlulah melakukan tugas dengan sempurna. Disamping itu, mereka perlu menunjukkan penampilan diri, pertuturan dan perbuatan yang terbaik sepanjang masa.

- **Penggerak ke arah kebaikan**

Guru hendaklah menjadi penggerak ke arah kebaikan. Justeru itu mereka perlu menampilkan diri sebagai seorang yang dinamik, maju, berdaya saing, cemerlang dalam hasil kerja dan kualiti kerja serta sentiasa berusaha menjadi pekerja yang terbaik.

- **Memperkotakan apa yang dikatakan**


Para guru hendaklah sentiasa berusaha melaksanakan apa yang dikatakan. Mereka perlu menunjukkan ketekalan dalam tanggapan, pengucapan dan tindakan, apa yang dibuat

messti sesuai dengan apa yang diucapkan dan sentiasa menepati apa yang dinyatakan dalam piagam pelanggan.

○ **Berdisiplin dan beradab**

Para guru perlulah sentiasa menjaga adab sopan seperti yang dituntut oleh agama, sentiasa mematuhi peraturan dan arahan perkhidmatan serta sentiasa berpandukan prosedur dan kaedah yang betul.

Berdasarkan prinsip di atas pengkaji telah mengintegrasikan kepada gambar rajah bagi memudahkan pemahaman terhadap model tersebut.



Rajah 5.1: Model AKRAM Kepemimpinan Guru Beretika (Alis, 2015)

Menurut Dartnell Corporation (1992), setelah model cadangan dibangunkan ia perlu dibandingkan dengan model yang sedia. Tujuan perbandingan ini untuk memastikan keberkesanan model yang dibina. Berdasarkan perbandingan tersebut ternyata model sedia ada lebih bersifat umum dan tidak

berfokus kepada individu yang terlibat seperti model cadangan yang baru dibina. Daripada model cadangan tersebut, pengkaji merangka satu senarai semak untuk menguji keberkesanan model cadangan tersebut bagi membentuk pengamalan etika kerja yang dilaksanakan selama sebulan bagi membentuk tabiat dan budaya kerja.

5.8 Kesimpulan

Bagi membentuk guru yang profesional, seorang guru itu harus menekankan tiga aspek penting dalam dirinya iaitu kepakaran, pengetahuan dan bentukan sahsiah (Robiah, 1998). Dalam era yang mencabar ini, faktor sahsiah adalah agenda utama pihak kementerian dalam usaha mengimbangi keruntuhan akhlak dan kebejatan sosial dalam kalangan pelajar. Guru merupakan wadah utama serta perlu melengkapkan diri dengan akhlak dan pribadi yang terpuji untuk mendidik para pelajar supaya dapat menyeimbangkan antara akademik dan sahsiah diri.

Aspek kesedaran merupakan satu tuntutan kepada semua individu. Hakikatnya kini, guru seharusnya menyedari tentang peranan dan tugas utama guru supaya tidak lari daripada landasan yang ditetapkan. Jika semua guru menyedari tanggungjawab mereka terhadap profesion dan etika sedia ada, mereka akan dapat melaksanakan tugas sebagai pendidik dengan baik dan tidak melanggar prinsip etika kerja yang sedia ada. Oleh itu, amalan buruk yang dilakukan guru kepada pelajar dan rakan sekerja dapat dihindarkan.

Selain itu, pentadbir juga berperanan sebagai pengawal dan pengawasan agar pelaksanaan model ini dilaksanakan kepada semua guru. Tiada gunanya perancangan atau program yang dilaksanakan jika aspek pengawalan dan pengawasan diabaikan. Program yang direncanakan tidak akan memberi faedah dan pelaksanaanya tidak dapat mencapai matlamatnya.

Akhir sekali, sebagai seorang guru yang mempunyai pegangan agama yang tinggi, para guru dengan sendirinya akan mengamalkan prinsip etika kerja dengan sempurna. Amalan terhadap nilai murni dalam kalangan guru adalah perkara utama bagi melaksanakan model ini dilaksanakan dalam kalangan guru. Tanpa nilai murni seperti jujur, amanah, bertanggungjawab, maka sudah pasti sesuatu tabiat dan kelakuan tidak dapat diubah.

Hasil dapatan kajian merumuskan bahawa prinsip etika kerja guru mampu membentuk guru yang cemerlang terhadap tugasnya. Namun hakikatnya faktor sikap, latihan dan peranan pentadbir memainkan peranan penting dalam memastikan prinsip ini dilaksanakan dengan jayanya. Tanpa disokong berdasarkan aspek ini, sudah pasti etika kerja guru tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Realitinya, prinsip etika guru semakin dipinggirkan oleh semua guru. Secara keseluruhan sewaktu ujian pra, kesemua guru tidak mampu menyenaraikan prinsip etika kerja guru dengan betul yang terdapat dalam bahagian B soal selidik. Jika hari ini guru sendiri tidak mengambil berat terhadap pembentukan sahsiah diri, apatah lagi membentuk pelajar yang berkualiti. Oleh itu, Etika Kerja guru perlulah menjadi pegangan dan etika kerja oleh semua guru di Malaysia. Sesungguhnya, guru beretika dan berakhlak mulia akan melahirkan generasi yang mempunyai kesedaran sahsiah dan pribadi yang tinggi serta mampu melonjakkan imej pendidikan dipersada antarabangsa.

Rujukan

- Abd. Rahim Said dan Mansor Ahmad saman (1986). Asas Pengurusan Personal. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar bakti Sdn Bhd
- Abdul shukor Abdullah (2004). Ucap Tema: Kepemimpinan unggul tonggak bidang pendidikan cemerlang. Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan ke 12. Anjuran Institut Aminudin Baki, Gneting highlands, Pahang 6-9 Disember 2004
- Abdul Rashid Moten. 2006. Approaches to Islamization of knowledge: e review. Dlm . Mohd. Yusoff Hussain (pnvt). *Islamization of Human Sciences*, Hlm. 49-72. Kuala Lumpur: International Islamic University secondary School Teachers Concerning In-Service Training In Educational Media, Dissertation Abstracts International.
- Alis Puteh (2016), Profession Keguruan: Guru Sebagai Role Model. Sintok, UUM Press
- Barlow, M. (1971), Professional development in vocational teacher education. American Vocational Journal, ms 9:30
- Brookover W. Erickson F.J;&McEvoy A.w (1997). Creating effective and effective anda achievement, 2nd. Edition. Holmes Beach. Florida: Learning Publications Campbell, d.T. (1963). Social atttttttitudes and other acquired behavioural dispositions. Dalam S. Koch. Psychology: A study of science. New York; McGraw-Hill
- Brown, M. E, Trevino, L.K. & Harrison, D.A. 2005. Ethical Leadership: A Social Learning perspective for contract development and testing. *Organizational Behaviour and Human Decision Process* 97: 117-134.
- Choudhury, G. 1993. *The Prophet Muhammad: His Life and Eternal Message*. Kuala Lumpur: WHS Publications Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Culpan, R. & Trussel, J. 2005. Applying the agency and stakeholder theories to the Enron debacle: an ethical perspective. *Business and Society Review* 110(1): 59-76.
- Cruickshank, R. Donald, Bainer, Deborah & K.Metcalf (1995). The art of teaching, New York: McGraw-Hill Inc
- Devaney, K. (1980). Ingredient of teacher centers uniqueness. *Action in Teacher Education*, ms 45 – 47.
- Goodland, J. (1981). A theory and some contemporary moral problems. New Jersey: Prentice-Hall
- Hannigan, J.A. & Ester, G.E. (1978). Media centers facilities design. Chicago: American Library Association. . A Conceptual basis for ethics in techer education. *Journal of Teacher Education*. 37, ms 2 -4
- Howe, K. (1986). A Conceptual basis for ethics in techer education. *Journal of Teacher Education*. 37, ms 2 – 4.

- Imam Ghazali. 1980. *Ihya Ulumiddin*. Indonesia: Percetakan Menara Kudus.
- Kaiser, R. B., Hogan, R. & Craig, S.B. 2008. Leadership and the fate of organizations. *American Psychologist* Feb-Mac:96-110.
- Kementerian Pelajaran Malaysia .2007. *PIPP*. Kuala lumpur: JPN
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2009. *Standard Guru Malaysia*. Kuala Lumpur: JPN
- Modul SGRA. 2011. *Perkembangan Pendidikan Di Malaysia: Falsafah Dan Dasar* . UPSI
- Mohd Ismail Othman. 2006. *Menangani Disiplin Di Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS
- Najib Tun Razak. 1971. Kod Etika Perguruan Kita Sudah Profesional. Utusan Malaysia, 07 Mei 1995.
- Ornstein, A.C. dan J.Thomas & I.Lasley (2000). *Strategies for effective teaching*. New York: McGraw-Hill
- Pelan Integriti Nasional. 2004a. <http://www.iim.com.my> diekses pada 19 Jun 2013
- Pelan Integriti Nasional. 2004b. <http://www.kkr.gov.my> diekses pada 19 Jun 2013
- Perkhidmatan Awam. 2007. Isu-isu perkhidmatan awam. <http://www.perkhidmatanawam.blogspot.com> diekses pada 20 Jun 2013.
- Robbins, S. P. 2005. *Organizational Behaviour*. Ed. Ke-8. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Educational International.
- Rohani Abd Hamid (1998). Persepsi Guru yang Berkualiti: satu tinjauan di daerah Kulim, Kedah Darul Aman. Master Thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Roth, R.A. (1975), Individualized In Service Program Model Competency Development For : In Service Education Program To Improve Teaching Competences Selected Papaers, ATE Bulletin, 21.
- Schimeder, A. (1978). Teacher centering in America. ERIC – Document Reproduction Service No. ED. 093 – 856, Madison, Wisconsin : University of Wisconsin College of education.
- Schulte Don P. Slate John R, Onwuegbuzie Anthony J. (2010). Charecteristic of effective School Principls: A mixed-Reasearch Study in Albert Journal of Education Research, 56 (2).
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori Dan Praktis*. Serdang: UPM.
- Sybouts, Ward anda Wendel, frederick C. (1994). *The Training and Development of school Pricipales A Handbook*. London: wesport, CT. Publication.
- Tajul Ariffin Nordin. (1997). Pendidikan dan pembangunan manusia: suatu pendekatan bersepadu. Kertas kerja yang dibentangkan di Fakulti Pendidikan UKM, 27-19 Ogos 1997 di UKM Bangi Selangor Darul Ehsan.

- Trevino, L. K., Hartman, L. P. & Brown, M. 2000. Moral Person and Moral manager: how executives develop a reputation for ethical leadership . *California Management Review* 42(4): 128-142.
- Watt, W.M. 1961. *Muhammad: Prophet and Statement*. London: Oxford University Press.
- Wiersma, William. (2000). *Research methods in education: An introduction. 7th edition*. Boston. Allyn and Bacon.